

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful Menampilkan Kempen #BuktiCintaAbadi menerusi Acara Pengaktifan Emas Eksklusif dengan Kerjasama HABIB**

*Menghubungkan Perancangan Kewangan dengan Simbol Cinta dan Legasi yang Abadi*

**12 Jun 2026, Kuala Lumpur** – Great Eastern Takaful telah menganjurkan kempen #BuktiCintaAbadi menerusi Acara Pengaktifan Emas eksklusif dengan kerjasama jenama barangan kemas terkemuka, HABIB, yang menawarkan pengalaman unik yang mana ia menghubungkan perlindungan kewangan dengan nilai emas yang amat berharga. Berlangsung pada 6 hingga 7 Jun 2026 di Habib Landmark, Jalan Bunus, Kuala Lumpur, acara selama dua hari ini membawa para jemputan menyelami bagaimana perancangan kewangan boleh menjadi manifestasi kasih sayang, keprihatinan dan legasi jangka panjang yang bermakna.

Bertemakan #BuktiCintaAbadi, kempen ini direka khas untuk melangkaui pendekatan konvensional. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Great Eastern Takaful terhadap inovasi berteraskan pelanggan, dengan membantu rakyat Malaysia memahami kepentingan perlindungan kewangan melalui konsep pemvisualan nyata.

Acara eksklusif ini menghimpunkan kira-kira 100 tetamu jemputan yang terdiri daripada para perunding takaful, pelanggan dan prospek terpilih, sekali gus mewujudkan ruang untuk perbincangan yang lebih mendalam dalam suasana yang istimewa dan interaktif. Antara tarikan utamanya adalah pameran eksklusif yang menampilkan konsep kewangan melalui paparan nilai RM500,000 dalam bentuk koleksi barang kemas berserta jongkong emas seberat 1 kilogram, menggambarkan nilai nyata berbanding angka semata-mata. Para tetamu turut berpeluang berinteraksi dengan photobooth berkuasa AI yang menghasilkan imej peribadi mereka lengkap dengan perhiasan emas, membolehkan mereka membayangkan perasaan memiliki perlindungan kewangan yang kukuh.

Mengulas mengenai inisiatif tersebut, Puan Jasveen Marne, Wakil Lantikan Great Eastern Takaful berkata, “#BuktiCintaAbadi berteraskan satu realiti mudah, iaitu ramai rakyat Malaysia memahami kepentingan perlindungan kewangan, namun sering menghadapi kesukaran untuk mengaitkannya dengan nilai sebenar dalam kehidupan seharian. Kerjasama antara pihak kami dan HABIB adalah khusus untuk merapatkan jurang tersebut dengan menjadikan perancangan kewangan lebih nyata dan lebih dihargai. Melalui pameran emas bernilai RM500,000 ini, kami membantu pelanggan memahami dengan lebih jelas matlamat yang ingin dicapai dan mengapa ia begitu penting.

Namun, kempen ini bukan sekadar meningkatkan kesedaran. Fokus utama kami adalah untuk mendorong tindakan. Melalui sesi istimewa dan khidmat nasihat khas antara perunding takaful dan prospek mereka, kami ingin membantu individu mengambil langkah yang praktikal dalam memperkukuh perlindungan serta merancang masa depan

keluarga dengan lebih teratur dan bermatlamat. #BuktiCintaAbadi menterjemahkan impian kepada perancangan yang nyata serta memastikan kasih sayang dan tanggungjawab disokong oleh jaminan kewangan yang kukuh dan berpanjangan, sama ada melalui pemilikan emas mahupun perlindungan takaful.”

Kempen ini yang berlangsung dari 9 Mei hingga 22 Jun 2026 meliputi rangkaian penyelesaian kewangan termasuk i-Great Evo, i-Great Nova, i-Great Chinta, i-Great Yaqeen dan i-Great Mega Plus, yang memenuhi keperluan individu dan keluarga pada pelbagai peringkat kehidupan. Pelanggan yang layak berpeluang menerima hadiah loket emas eksklusif daripada HABIB, tertakluk kepada terma dan syarat.

Kolaborasi bersama HABIB turut memperkukuhkan impak kempen ini dengan menghimpunkan dua jenama yang berteraskan kepercayaan, warisan dan nilai jangka panjang. Emas sejak sekian lama menjadi simbol ketahanan dan nilai yang berkekalan, selari dengan kepentingan perancangan kewangan yang mampan dan berhemat.

Sepanjang acara berlangsung, para tetamu merasai pengalaman yang menarik, bermula dengan pameran utama, diikuti pelbagai aktiviti interaktif, sebelum mengakhirinya dengan sesi konsultasi peribadi berkonsepkan kafe bersama perunding Great Eastern Takaful. Sesi ini menyediakan suasana yang santai dan selesa untuk membincangkan matlamat kewangan peribadi, keperluan perlindungan dan aspirasi legasi keluarga, selain menerima cenderahati eksklusif sebagai tanda penghargaan.

Menerusi inisiatif seperti Acara Pengaktifan Emas #BuktiCintaAbadi, Great Eastern Takaful terus membuktikan komitmennya terhadap inovasi berteraskan pelanggan, penglibatan berasaskan pengalaman serta penyampaian penyelesaian kewangan yang bermakna. Usaha ini bertujuan memperkasakan individu dan keluarga agar dapat melangkah ke hadapan dengan lebih yakin dan tenang. Untuk maklumat lanjut, layari [greateastertakaful.com](http://greateastertakaful.com).

**-TAMAT-**

### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta

pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com). Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim  
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat  
Great Eastern Takaful Berhad  
Tel: +6016 - 209 234  
E-mel: [MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com)